

U GB 08-05 00211 BH517

bah

Mahathir-pelajar

PM MAHU PELAJAR M'SIA DI LUAR NEGARA KUASAI BAHASA INGGERIS  
Daripada Salmy Hashim

BLOOMINGTON (Indiana), 8 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini menggesa para pelajar Malaysia di luar negara berusaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris supaya mereka dapat menimba ilmu dan menyumbang kepada kemajuan negara.

Perdana Menteri memberitahu lebih 200 orang pelajar Malaysia yang menuntut di 20 buah universiti di Amerika Syarikat bahawa penguasaan "bahasa Inggeris tidak bermakna kita tidak sayang bahasa kita atau bangsa kita...Malah langkah ini akan memperkayakan lagi bahasa Melayu kerana kita boleh meminjam dari bahasa lain".

Beliau berkata para pelajar harus sedar bahawa tidak mungkin bagi para cendekiawan atau ahli-ahli profesional untuk menterjemahkan ribuan dokumen atau setiap jilid buku yang ada di dunia ke dalam bahasa Melayu atau mengharap tenaga pengajar Amerika mengajar mereka di dalam bahasa Melayu.

"Inilah kenyataan...kita akan menjadi golongan yang tertinggal sekiranya kita menunggu mereka berbuat demikian. Kita tidak mahu bangsa kita dihina oleh orang lain," katanya.

"Saya sedar ada pihak yang mengecam kerajaan kerana hendak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar dalam pelajaran-pelajaran yang tertentu. Kadang-kadang yang mengecam itupun mendapat doktorat dalam bahasa Inggeris," katanya disambut gelak ketawa daripada para pelajar yang hadir.  
-- Lagi

▼08/05/16-08MST

U GB 08-05 00158 BH518

bah

Mahathir-pelajar 2 Bloomington

Di zaman yang mempunyai pengetahuan yang canggih ini, rakyat Malaysia perlu giat menimba ilmu untuk menandingi negara-negara lain dan "kerajaan berbelanja lebih banyak untuk pendidikan daripada pertahanan," katanya.

Beliau mengingatkan pelajar mengenai pepatah yang menyuruh supaya menuntut ilmu sehingga ke negeri China. "Itu zaman dahulu... sekarang kita datang ke Amerika," katanya dengan disambut gelak ketawa daripada para pelajar yang kebanyakannya tiba dengan memakai kot dan bertali leher sementara pelajar wanita berpakaian baju kurung.

Sementara menunggu jamuan stik tiba, ramai pelajar berkerumun mengambil gambar Perdana Menteri dan isterinya, dan kemudian memberanikan diri pula untuk bergambar bersama-sama "pasangan popular malam ini".

Dalam sesi dailog pula, pelbagai soalan dikemukakan dan Dr Mahathir melayan setiap soalan dengan sabar memanjangkan sesi itu dari setengah jam kepada dua jam.

Soalan-soalan meliputi pendidikan, hukum hudud, Wawasan 2020, pertemuannya dengan Presiden Bill Clinton dan hubungan Malaysia dengan Britain dan Australia. -- Lagi

▼08/05/16-16MST

bah

Mahathir-pelajar 3 (Akhir) Bloomington

Apabila ditanya mengenai tarikh pilihan raya umum yang akan datang, beliau menjawab; "Saya hendak beritahu tarikh pilihan raya... tidak lewat dari bulan Disember 1995."

Seorang pelajar pula memberitahu bahawa dia meminati Dr Mahathir dan bertanya bagaimana seseorang pelajar boleh berkecimpung dalam politik.

Dr Mahathir berkata, seseorang itu harus banyak bersabar, bekerja keras dan suka bergaul.

"Saya mengambil masa 19 tahun sebelum dipilih jadi calon Parlimen dan 30 tahun sebelum menjadi seorang menteri. Sayangnya, hanya ada satu kekosongan untuk jawatan Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir yang berada di Amerika Syarikat untuk lawatan tidak rasmi tiga hari berjumpa dengan Clinton di Washington semalam, singgah di St.Louis untuk melawat kilang McDonnell Douglas, ke Bloomington untuk menyaksikan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima kedoktoran kehormat dari Universiti Indiana dan juga berjumpa para pelajar Malaysia.

Esok, beliau ke Seattle untuk melawat Boeing dan pada hari Isnin pula membuat lawatan dua hari ke China. -- Bernama

SH AKD